

Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Pengurusan Dalam Islam Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS)

Norzira Binti Ahmad

Unit Pendidikan Islam Dan Moral

Jabatan Pengajian Am, PTSS

norziraptss@gmail.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan bagi mengetahui tentang sejauh mana kefahaman pelajar terhadap kepentingan dan pengamalan ibadah solat fardhu dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kajian ini memberi fokus kepada 3 skop iaitu tahap pengetahuan, pengamalan dan faktor-faktor utama pelajar-pelajar melaksanakan ibadah solat. Responden kajian ini adalah semua pelajar muslim yang mengikuti kursus DUA 2022 Pengurusan Dalam Islam semester dua yang berjumlah seramai 100 orang. Pelajar-pelajar ini meliputi kelas Diploma Sains Kesetiausahaan (DSK), Diploma akauntansi (DAT) dan Diploma Pengajian Perniagaan (DPM). Rasional kajian ini diadakan oleh pengkaji adalah kerana para pelajar tersebut perlu mempelajari bab solat bagi kursus tersebut serta memenuhi 20 % bagi markah Ujian Amali Solat. Daripada pengalaman dan pemerhatian pengkaji semasa mengajar bab tersebut dan menjalankan Amali Solat selama beberapa tahun mendapat ramai pelajar bermasalah dalam amalan solat fardhu mereka. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian serta menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai peratus. Hasil analisis menunjukkan responden mengetahui dan memahami tentang kepentingan solat. Namun tahap pengamalan solat dalam kalangan pelajar tersebut masih kurang memuaskan. Oleh itu, beberapa cadangan turut dikemukakan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan mempertingkatkan lagi amalan solat dalam kalangan pelajar semester dua tersebut dan khususnya kepada semua pelajar PTSS.

Kata kunci: Pengamalan solat fardhu, tahap pengetahuan, pengamalan dan faktor utama perlaksanaan solat fardhu

PENDAHULUAN

Solat merupakan ibadah utama dalam kalangan umat Islam dan ia merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah. Solat juga adalah tiang agama dan menjadi ibadah wajib kepada setiap muslim yang akil baligh. Sabda Rasulullah S.A.W "Solat itu tiang agama, sesiapa yang mendirikan solat, sesungguhnya dia sudah menegakkan agama dan barang siapa yang meninggalkan solat, sesungguhnya dia meruntuhkan agama".

Solat juga amat istimewa kerana ia merupakan ibadah yang terawal dihisab dan diadili oleh Allah S.W.T. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud: Dari Abdullah Bin Qurt, ia berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda "Yang pertama dihisab daripada seorang hamba di hari kiamat ialah solatnya. Apabila solatnya baik maka baiklah seluruh amalannya tetapi jika solatnya rosak maka rosaklah seluruh amalannya".

Keistimewaan lain bagi solat ialah ia dapat mencegah perbuatan keji dan mungkar. Ini selaras dengan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Ankabut ayat 45: "Dan dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar". Ayat ini menunjukkan solat yang sempurna dapat menjadi benteng kepada segala bentuk maksiat, kejahatan dan kemungkaran.

Seterusnya solat merupakan tanda pengabdian dan syukur seorang hamba kepada Allah atas segala nikmat dan rahmat yang Allah kurniakan kepada kita. Manifestasi rasa pengabdian dan syukur tersebut bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Kautsar ayat 1-2: "Sesungguhnya Kami (Allah) telah mengurniakan kepadamu nikmat yang melimpah ruah, kerana itu dirikanlah solat dan berkorbanlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu".

Apa yang paling istimewa ialah solat merupakan satu ibadah yang diterima secara langsung oleh Rasulullah S.A.W ketika Baginda mengadap Allah di Sidratul Muntaha ketika peristiwa Israk dan Mikraj. Ia amat berbeza dengan ibadah lain seperti puasa, zakat dan haji yang diterima melalui wahu dengan perantaraan malikat Jibril A.S. Ini adalah kenyataan yang jelas bahawa ibadah solat adalah terlalu istimewa di sisi Allah S.W.T. (Anisah Abd. Ghani (2001).

Justeru solat merupakan ibadah utama dan terpenting dalam kehidupan seseorang muslim, maka perbuatan meninggalkan solat dengan sengaja dalam keadaan sedar dan waras menggambarkan seseorang individu tidak menitikberatkan suruhan agama dan cuai terhadap tanggung jawab paling utama terhadap Allah S.W.T. Individu yang meninggalkan solat secara sengaja dianggap telah menzalimi dirinya sendiri serta dianggap lemah keimanan dan ketakwaannya kerana tidak tergugat dengan ancaman berat yang telah diberikan kepada golongan yang meninggalkan solat tersebut.

Oleh itu, kita janganlah sekali-kali meninggalkan solat fardhu yang merupakan ibadah wajib dan utama dalam Islam ini. Ia pasti akan meninggalkan pelbagai kesan buruk kepada kehidupan kita samada di dunia atau di akhirat nanti. Seorang muslim yang meninggalkan solat fardhu dengan sengaja boleh dihukumkan sebagai berdosa besar dan ada pendapat yang menyatakan sebagai jatuh kafir. Ini kerana beza antara seorang muslim dan kafir ialah pada perlaksanaan solatnya. Hukum ini selaras dengan satu hadis sahih iaitu "Beza antara seorang laki-laki muslim dengan seorang kafir adalah meninggalkan solat". Oleh itu menjadi kewajipan ke atas kita melaksanakan solat selagi hayat dikandung badan dan perlaksanaan ibadah itu mesti kita usahakan secara ikhlas dan sempurna agar dianggap sebagai ibadah yang terbaik di sisi Allah S.W.T.

Pernyataan masalah

Fokus kajian ini adalah berdasarkan pengalaman dan pemerhatian pengkaji selama beberapa tahun semasa mengajar bab solat dan menjalankan amali solat terhadap pelajar muslim semester dua yang mengikuti kursus DUA 2022 Pengurusan Dalam Islam di Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Berdasarkan temu bual secara tidak langsung semasa mengajar topik solat dan semasa menjalankan amali solat, ramai pelajar yang tidak melaksanakan solat ketika waktu-waktu tertentu terutamanya solat subuh dan zohor atau yang meninggalkan terus kefardhuan solat kerana kurang kesedaran diri dan tanggapan bahawa solat itu remeh.

Ada juga pelajar yang memaklumkan ibu bapa dan keluarga mereka sendiri juga jarang melaksanakan ibadah terpenting tersebut, selain faktor malas, kekangan masa dan sibuk dengan kelas atau hambatan menyelesaikan pelbagai tugas sebagai seorang pelajar politeknik. Menurut Rosnah (2007) ibu bapa yang kurang memberi penekanan tentang kewajipan solat kepada anak-anaknya akan menyebabkan pelajar tidak melakukan solat di rumah maka ia telah memberi contoh yang kurang baik kepada pelajar untuk mempraktikkan dan mengamalkannya di rumah.

Hakikatnya ibadah solat wajib dimulakan penekanannya di rumah oleh setiap ibu bapa muslim seawal usia kanak-kanak lagi. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah S.A.W yang berbunyi "Perintahkanlah anak-anak kamu untuk melaksanakan solat apabila mencapai umur tujuh tahun. Apabila sudah mencapai umur sepuluh tahun maka pukullah dia apabila tidak

melaksanakannya". Kegagalan ibu bapa yang merupakan guru pertama kepada para pelajar menekankan kepentingan solat akan menyukarkan para pendidik memberi tunjuk ajar kepada mereka semasa di sekolah atau di peringkat institusi pengajian tinggi.

Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengetahui dan melihat sejauh mana tahap kefahaman pelajar khususnya pelajar muslim semester dua Jabatan Perdagangan, PTSS mengenai kepentingan dan pengamalan solat fardhu dalam kehidupan harian mereka. Pengkaji amat berharap kajian ini dapat menjadi momentum kepada semua yang membaca kajian ini, supaya ibadah solat diberi penekanan yang terpenting dan menjadi prioriti dalam pendidikan awal anak-anak di rumah. Kesannya ibadah solat akan menjadi satu cara hidup dalam kehidupan setiap muslim serta menjadi ibadah yang memberi impak terbesar dalam kehidupan dunia dan akhirat kita.

Objektif Kajian

1. Untuk mengenalpasti kefahaman pelajar PTSS terhadap kepentingan ibadah solat dalam kehidupan sehari-hari.
2. Untuk mengetahui tahap pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar PTSS.
3. Untuk mengenalpasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar PTSS melaksanakan solat.

Kumpulan Sasaran

Kajian ini dijalankan di Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis yang melibatkan 100 orang pelajar muslim yang mengikuti kursus Dua2022 Pengurusan Dalam Islam semester dua iaitu daripada pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan (DSK), Diploma Akauntansi (DAT) dan Diploma Pentadbiran Perniagaan (DPM).

Kepentingan kajian

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini mempunyai beberapa kepentingan iaitu:

1. Memberi kesedaran kepada para pelajar PTSS tentang kepentingan menunaikan solat 5 waktu dalam kehidupan mereka.
2. Menggalakkan para pelajar mengambil berat terhadap perkara-perkara asas dalam solat.
3. Memberi kesedaran kepada pelajar bahawa kesan pengabaian solat amat besar terhadap kehidupan mereka.
4. Menggalakkan para pelajar PTSS melaksanakan solat walaupun di mana mereka berada atau dalam sebarang situasi

Batasan Kajian

Kajian ini hanya meliputi 100 orang pelajar muslim bagi Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin sahaja. Pada masa hadapan bagi mendapat dapatan yang lebih menyeluruh, pengkaji bercadang untuk mengadakan kajian terhadap pelajar-pelajar lain daripada semua jabatan yang terdapat di PTSS.

TINJAUAN LITERATUR

Solat merupakan ibadah utama dalam kehidupan setiap muslim. Menurut Anisah Ab. Ghani (2001) solat itu merupakan ibadah istimewa berbanding ibadah lain kerana solat diterima secara langsung semasa peristiwa Isra' dan Mikraj Rasulullah S.A.W. Solat juga merupakan tiang

agama dan tidak dapat ditegakkan agama sesorang kecuali dengan istiqamah mengerjakan solat. Rasulullah S.A.W bersabda "istiqamahlah dalam segala sesuatu, dan janganlah kamu menghitung amal. Ketahuilah bahawa sebaik-baik amalan adalah solat, dan hanya orang mukmin mampu memelihara wuduk". Amat besar dosa dan balasan bagi muslim yang mengabaikan dan meninggalkan solat. Ini kerana, jika seseorang itu mengabaikan solat, sudah pasti individu itu akan turut mengabaikan ibadah-ibadah yang lain juga. Hal ini amat bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam Surah Maryam ayat 59 "Maka datanglah sesudah mereka generasi yang mengabaikan solat dan mengikuti hawa nafsu, mereka kelak akan sesat". Ini menunjukkan Allah S.W.T telah memberikan amaran sejak awal lagi bahawa akan terdapat satu generasi yang akan meremeh-remehkan solat dan menyibukkan diri dengan pekerjaan dunia.

Masalah pengabaian solat ini merupakan masalah sejagat yang berlaku dalam kalangan umat Islam. Oleh itu, tidak hairanlah masalah tersebut juga sering terjadi di institusi pengajian tinggi yang pelajarnya terdiri daripada golongan remaja. Ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Mohd Suhardi Mat Jusoh (2001) yang mendapati tahap pengamalan solat fardhu adalah berbeza-beza dalam kalangan remaja. Sifat malas dan terlalu sibuk dengan urusan lain merupakan faktor utama golongan itu meninggalkan kewajipan solat fardhu. Manakala kajian yang dijalankan oleh Napisah Hj. Humni et.al (2004) pula menunjukkan pengaruh dididikan agama pelajar dan pengaruh rakan sebaya turut mempengaruhi perlaksanaan ibadah solat fardhu mereka. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan faktor beban kuliah dan pengaruh rakan sebagai faktor yang tidak menggalakkan perlaksanaan ibadah solat. Ini menunjukkan pengaruh rakan menjadi faktor yang dominan terhadap perlaksanaan solat pelajar remaja. Selain itu, daripada kajian Norylana Binti Sulong (2006) menunjukkan peneguhan terhadap perkara-perkara asas dalam agama perlu dititikberatkan terhadap masyarakat. Ini kerana dengan penguasaan terhadap asas-asas agama terutamanya bab solat ia akan menjadi jati diri bagi setiap individu muslim untuk melaksanakan solat dengan lebih mantap dan konsisten.

Antara faktor yang menyebabkan para pelajar tidak menunaikan solat dengan sengaja adalah disebabkan kurangnya kesedaran diri untuk melaksanakan solat dan menganggap solat itu ibadah yang remeh. Mereka juga berterus terang bahawa perbuatan meninggalkan ibadah terpenting di dalam Islam itu kerana kurangnya dorongan daripada orang sekeliling. Inilah dapatan yang diperolehi oleh pengkaji semasa mengadakan sesi amali solat terhadap pelajar muslim semester dua di PTSS. Mereka mengatakan ibu bapa tidak pernah memberi dorongan dan mengambil berat tentang solat kepada mereka sejak kecil, malahan ada pelajar yang mengakui ibu bapa mereka turut tidak mengerjakan solat lima waktu. Menurut Rosnah (2007) ibu bapa yang kurang memberi penekanan tentang kewajipan solat kepada anak-anaknya akan menyebabkan anak-anak mereka tidak melakukan ibadah solat di rumah. Ini kerana ibadah tersebut perlu diberi penekanan kepada anak-anak bermula di rumah lagi. Kegagalan ibu bapa sebagai guru pertama mendidik anak-anak mereka di rumah akan menyukarkan pendidik di sekolah atau di institusi pengajian tinggi memberi panduan atau menggalakkan mereka solat.

Oleh itu setelah meneliti beberapa kajian yang lepas dan berdasarkan pengalaman pengkaji sendiri yang berhadapan dengan pelajar-pelajar remaja pada setiap semester pengajian , dapatlah dirumuskan pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar khususnya dan umumnya masyarakat Malaysia masih kurang memuaskan. Ini bertepatan dengan dengan kajian pakar motivasi Dato' Dr. Fadhilah Bin Kamsah bahawa sejumlah 80% umat Islam di Malaysia masih tidak menyempurnakan solat lima waktu. Jesteru itu, pengkaji telah mengambil keputusan untuk melaksanakan satu kajian tindakan bagi melihat tahap pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar PTSS. Sebagai permulaan kajian ini hanya dilakukan terhadap 100 pelajar muslim yang mengikuti kursus Pengurusan Dalam Islam sahaja.

METODOLOGI KAJIAN

Tujuan pengkaji mengadakan kajian ini adalah untuk mengetahui kefahaman pelajar tentang kepentingan ibadah solat. Selain itu kajian ini juga diadakan untuk mengetahui tahap pengamalan solat fardhu dan faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar-pelajar untuk menunaikan solat. Pengkaji mendapatkan maklumat dan data mengenai perkara tersebut melalui sampel yang diperolehi daripada responden. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk deskriptif. Menurut Mohd. Majid Konting (2004) penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Responden yang dipilih ialah seramai 100 orang pelajar muslim semester 2 Jabatan Perdagangan PTSS. Mereka terdiri daripada pelajar Diploma Sains Kesetiausahaan (DSK), Diploma Akauntansi (DAT) dan Diploma Pentadbiran Perniagaan (DPM). Pelajar-pelajar ini perlu mengambil kursus DUA 2022 Pengurusan Dalam Islam yang memerlukan mereka menjalani amali solat.

Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data daripada sampel kajian. Soal selidik adalah kaedah yang paling banyak dan popular digunakan dalam kajian sains sosial. Mohd. Najib Ghafar (1999) menyatakan soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan bagi mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat terutamanya dalam mencari fakta-fakta berbentuk kepercayaan, perasaan dan sebagainya.

Borang soal selidik yang digunakan adalah berbentuk skala likert yang memerlukan sampel untuk menjawab persoalan yang diberikan mengikut kesesuaianya. Soalan soal selidik terbahagi kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Responden), Bahagian B (Kepentingan Solat), Bahagian C (Pengamalan Solat) dan Bahagian D (Faktor Perlaksanaan Solat). Manakala data kajian akan dianalisis dalam bentuk peratus (%).

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 Analisis item profil Responden berdasarkan Demografi (N=100)

Bil	Item	Bilangan Responden	Peratus Responden (%)
1	Jantina		
	Lelaki	25	25%
	Perempuan	75	75%
2.	Umur		
	1. Bawah 18 tahun	0	0
	2. 19 tahun	0	100%
	3. 20 tahun	0	0
	4. 21 tahun dan ke atas	0	0
3.	Jabatan		
	Perdagangan	100	100%
5.	Kelayakkan Akademik		
	1. SPM	100	100%
	2. STPM	0	
	3. Sijil Kolej Komuniti	0	
	4. Lain-lain	0	

Jadual 1 analisis Bahagian A iaitu bagi item profil responden berdasarkan demografi menunjukkan bilangan dan peratus jantina mengikut bilangan pelajar. Responden terdiri daripada 25 orang pelajar lelaki (25%) dan 75 orang pelajar perempuan (75%). Daripada segi umur keseluruhan responden adalah berumur 19 tahun (100%) manakala responden adalah terdiri daripada 100 orang pelajar jabatan perdagangan, PTSS (100%). Ini kerana untuk kajian kali pertama ini, pengkaji hanya menggunakan responden daripada jabatan tersebut sahaja. Selain itu bagi kelayakan akademik responden, dapatkan menunjukkan tahap pendidikan mereka adalah SPM (100%).


Jadual 2 Analisis Item Kepentingan Solat (N=100)

Item	Perkara	(Peratus %)			
		STS	TS	S	SS
1. Solat itu adalah ibadah yang difardhukan ke atas semua umat Islam		-	-	-	100
2. Solat dapat menghapuskan dosa kecil yang dilakukan		-	-	10	90
3. Saya telah mempelajari dan tahu cara solat yang betul		-	-	-	100
4. Saya tahu dan sedar balasan terhadap orang yang meninggalkan solat dengan sengaja		-	-	5	95
5. Saya berasa berdosa besar apabila tidak melaksanakan solat lima waktu		-	-	30	70
6. Saya tahu hukuman Allah amat berat terhadap orang yang meninggalkan solat dengan sengaja		-	-	15	85
7. Saya akan tetap melaksanakan solat walaupun sedang musafir		-	-	35	65
8. Orang yang melaksanakan solat dengan konsisten akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat		-	-	10	90

Nota: STS- Sangat Tidak Setuju, TS- Tidak Setuju, S- Setuju, SS- Sangat Setuju

Menerusi soal selidik yang telah diedarkan dapatkan analisis bagi Bahagian B, item kepentingan solat menunjukkan kebanyakkan responden memilih pada pilihan jawapan setuju dan sangat setuju. Peratusan tertinggi adalah pada item 1 iaitu solat itu adalah ibadah yang difardhukan ke atas umat Islam (100%) dan 3 iaitu saya telah mempelajari dan tahu cara solat yang betul (100%) sangat setuju, item 4 iaitu saya tahu dan sedar balasan terhadap orang yang meninggalkan solat dengan sengaja (5%) setuju dan (95%) sangat setuju dan item 8 iaitu orang yang melaksanakan solat dengan konsisten akan mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat (10%) setuju dan (90%) sangat setuju. Manakala bagi item 2 iaitu solat dapat menghapuskan dosa kecil yang dilakukan sebanyak (10%) responden setuju dan (90%) responden sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Bagi item 6 iaitu saya tahu hukuman Allah amat berat terhadap orang yang meninggalkan solat dengan sengaja dapatkan menunjukkan (15%) responden setuju dan (85%) responden sangat bersetuju. Peratusan dapatkan yang paling rendah ialah pada item 7 iaitu saya akan tetap melaksanakan solat walaupun sedang musafir (35%) responden setuju dan 65% responden sangat setuju. Seterusnya adalah item 5 iaitu saya berasa berdosa besar apabila tidak melaksanakan solat lima waktu (30%) responden setuju dan (70%) responden sangat setuju. Secara keseluruhannya, berdasarkan peratusan yang diperolehi kebanyakkan responden

mengetahui kepentingan solat dalam kehidupan setiap individu muslim dan memahami setiap item yang ditanya oleh pengkaji. Yang jelas, dapatan kajian menunjukkan semua responden (100%) sedar solat adalah ibadah yang difardhukan dan wajib ke atas setiap individu dan telah mempelajari serta tahu cara solat yang betul. Mereka juga sedar balasan yang akan diberikan terhadap mereka jika meninggalkan solat. Peratusan bagi setiap item diringkaskan dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1 Analisis perbandingan % bagi soal selidik Kepentingan Solat


Jadual 3 Analisis item Pengamalan Solat (N=100)

Item	Perkara	Peratus			
		S	KK	JJ	TP
1. Kekerapan saya menuaikan solat subuh		51	34	15	-
2. Kekerapan saya menuaikan solat zohor		50	30	20	-
3. Kekerapan saya menuaikan solat asar		54	23	23	-
4. Kekerapan saya menuaikan solat maghrib		60	25	15	-
5. Kekerapan saya menuaikan solat Isyak		57	32	11	-

Nota: S- Selalu, KK- Kadang-kadang, JJ- Jarang-jarang, TP- Tidak pernah

Berdasarkan jadual 3 bagi analisis item untuk Bahagian Pengamalan Solat, menunjukkan peratusan tertinggi pelajar selalu menunaikan solat adalah bagi fardhu maghrib iaitu sebanyak (60%) dan fardhu Isyak sebanyak (57%). Manakala peratusan terendah pelajar selalu menunaikan solat ialah bagi fardhu zohor (50%) diikuti fardhu subuh (51%) dan asar sebanyak (54%). Ini menunjukkan peratusan pelajar meninggalkan fardhu zohor, subuh dan asar agak tinggi.

Dapatan ini bertepatan dengan keputusan temu bual yang sering pengkaji lakukan semasa sesi amali solat dilaksanakan bersama pelajar. Pengkaji sering bertanyakan pelajar waktu-waktu solat yang sering mereka tinggalkan dengan sengaja. Ketiga-tiga waktu tersebut merupakan waktu popular yang ditinggalkan oleh para pelajar. Bagi pelajar-pelajar waktu solat zohor sering ditinggalkan akibat kesuntukan waktu kerana terpaksa berkejar ke kelas yang bermula tepat pukul 2 petang. Disebabkan kelas sebelumnya berakhir pada pukul 1 tengah hari alasan letih dan terpaksa mendahului makan tengah hari menjadi punca mereka meninggalkan solat zohor. Selain itu, tidak cukup tidur akibat tidur lewat menyiapkan pelbagai tugas menyebabkan para pelajar sering tidak bangun untuk melaksanakan solat subuh. Selalunya para pelajar akan bekejar pula ke kelas pagi yang selalunya bermula pada pukul 8 tanpa menunaikan solat subuh. Manakala bagi fardhu asar selalunya pelajar akan memberi alasan sibuk dengan pelbagai aktiviti seperti kelas ganti, aktiviti kokurikulum dan aktiviti peribadi yang menyebabkan mereka sering meremehkan solat fardhu tersebut.



Rajah 2: Analisis perbandingan % bagi soal selidik Pengamalan Solat


Jadual 4 Analisis Item Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelajar untuk Melaksanakan Solat (N=100)

Item	Perkara	Peratus			
		STS	TS	S	ST
1.	Rakan saya merupakan pendorong saya melaksanakan solat	-	10	55	35
2.	Pensyarah Unit Pendidikan Islam antara individu yang membantu saya memperbaiki bacaan solat	-	-	44	56
3.	Saya telah didik oleh ibu bapa saya sejak kecil lagi untuk menunaikan solat	-	-	47	53
4.	Pensyarah Unit Pendidikan Islam adalah individu yang sering mengingatkan saya untuk menunaikan solat	-	-	49	51
5.	Rakan-rakan selalu mengajak saya menunaikan solat	-	3	58	39
6.	Ibu bapa saya sering menunaikan solat berjemaah di rumah	-	9	57	34
7.	Saya selalu berusaha untuk menunaikan solat dengan sempurna dan khusyuk	-	-	49	51
8.	Saya berasa tidak tenang dan berdosa apabila meninggalkan solat lima waktu	-	-	42	58

Nota: STS- Sangat tidak setuju, TS- Tidak setuju, S- Setuju, SS-Sangat setuju

Jadual 4 di atas menunjukkan maklumat keseluruhan bagi item yang berkaitan dengan faktor-faktor utama yang mempengaruhi responden melaksanakan solat. Dapatkan kajian menunjukkan item ke 8 iaitu saya berasa tidak tenang dan berdosa apabila meninggalkan solat lima waktu menunjukkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak (58%) responden sangat setuju. Ini menunjukkan majoriti responden sedar akan kesan meninggalkan solat lima waktu terhadap kehidupan mereka. Manakala item 4 iaitu pensyarah Unit Pendidikan Islam antara individu yang membantu saya memperbaiki bacaan solat (56%) responden sangat setuju dan menjadi item kedua yang mendapat peratusan tertinggi. Selain itu item ke 3 iaitu saya telah dididik oleh ibu bapa sejak kecil lagi untuk menunaikan solat (53%) responden sangat setuju dan item 7 iaitu saya selalu berusaha untuk menunaikan solat dengan sempurna dan khusyuk mencatatkan peratusan yang agak tinggi iaitu sebanyak (51%) responden sangat setuju. Ini menunjukkan pelajar telah dididik untuk solat sejak kecil oleh ibu bapa masing-masing. Selain itu, peratusan yang agak tinggi juga menunjukkan para pelajar berusaha cuba untuk khusyuk di dalam solat mereka. Selain itu sebanyak (51%) responden sangat setuju bahawa pensyarah pendidikan Islam juga adalah antara individu yang sering mengingatkan mereka untuk melaksanakan solat fardhu setiap hari. Ini tidak mustahil kerana para belajar banyak menghabiskan waktunya di kampus berbanding di rumah sewaktu sesi pengkuliahan berlangsung.

Peratusan dapatan yang paling rendah bagi sangat setuju ialah bagi item 6 iaitu ibu bapa saya sering menunaikan solat berjemaah ketika berada di rumah (34%). Manakala bagi item 1 iaitu rakan merupakan pendorong saya melaksanakan solat dan item 5 rakan-rakan selalu mengajak saya menunaikan solat mencatatkan (35%) dan (39%) bagi pilihan sangat setuju. Ini menunjukkan kebanyakkan pelajar kurang melaksanakan solat berjemaah di rumah dan kawan-kawan kurang menjadi pendorong kepada para pelajar untuk melaksanakan solat lima waktu.



Rajah 3 Analisis perbandingan % bagi soal selidik faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk melaksanakan solat

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Menurut Mustafar Mohd Suki (2015) solat merupakan ibadah pertama yang akan dihisab pada Hari Perhitungan iaitu bagi orang-orang yang mengucapkan dua kalimah syahadah. Malangnya pada hari ini kita dapat melihat masih ramai kaum muslimin yang mensia-siakan solat mereka. Ada yang solat sekadar melangsaikan kewajipan, ada yang solat pada akhir waktu atau di luar waktu dan ada yang solat tidak cukup lima kali sehari semalam. Sedangkan solat adalah kewajipan paling utama dalam syariat Islam.

Berdasarkan kepada data yang telah dianalisis dan dibincangkan di atas, dapatan kajian menunjukkan para pelajar secara umumnya mengetahui dan faham akan hukum dan kewajipan menunaikan solat lima waktu serta faham tentang balasan dan akibat menunaikan kefardhuan tersebut. Namun, dapatan kajian ini menunjukkan tahap pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar iaitu seramai 100 orang responden daripada Jabatan Perdagangan, PTSS masih kurang memuaskan walaupun dapatan juga menunjukkan para pelajar mempunyai pengetahuan yang baik dalam hal ibadah solat dan penguasaan ilmu untuk melaksanakan ibadah tersebut. Mereka ternyata telah mendapat didikan tentang solat daripada ibu bapa dan para pensyarah di politeknik. Namun beberapa kekangan melaksanakan solat terutamanya bagi fardhu zohor, mahgrib dan subuh menyebabkan mereka masih meremeh-remehkan ibadah terpenting tersebut. Apatah lagi dapatan menunjukkan peratusan mereka solat berjemaah

bersama ibu bapa dan dorongan serta ajakan kawan-kawan di sekeliling mereka untuk melangsankian kewajipan tersebut setiap hari adalah masih rendah.

Situasi ini ternyata menuntut beberapa penyelesaian yang drastik dan konsisten agar masalah pengabaian solat ini dapat dikekang bagi melahirkan generasi yang istiqamah melaksanakan solat mereka walau dalam apa keadaan sekalipun. Kaedah pendidikan keagamaan dan kerohanian perlu dikaji dan dimantapkan lagi seiring dengan kecemerlangan akademik para pelajar. Tanggungjawab ini perlu dipikul oleh semua pihak bagi membentuk generasi yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Antara cadangan bagi memantapkan lagi perlaksanaan solat dalam kalangan pelajar ialah:

- i) Program pemantapan dan penghayatan solat diadakan secara berkala bagi semua pelajar muslim
- ii) Mewajibkan para pelajar yang tinggal di kamsis/asrama menunaikan solat berjemaah terutamanya pada waktu subuh, maghrib dan isyak
- iii) Memperbanyakkan program-program kerohanian dan keagamaan di kamsis/asrama pelajar.
- iv) Pensyarah dan pelajar bersama-sama mewujudkan program street dakwah berkaitan dengan kepentingan menunaikan solat
- v) Penyediaan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran yang mengambil kira masa rehat dan solat yang sesuai dengan pelajar.
- vi) Memperbanyakkan bahan-bahan bacaan dan rujukan tentang solat di Perpustakaan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis.
- vii) Semua pensyarah muslim bertanggungjawab memainkan peranan yang penting dengan memberi bimbingan dan nasihat secara berterusan mengenai solat kepada para pelajar.

RUJUKAN

- Anisah Ab. Ghani. (2001). *Konsep dan Pengamalan solat*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Mohd. Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd. Najib Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Suhardi Bin Mat Jusoh. (2001). *Pengabaian Solat di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah Sekitar Daerah Pasir Puteh Kelantan*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mustafar Mohd Suki. (2015). *Seindah Solat Rasulullah*. Shah Alam. Karya Bestari.
- Napisah Hj. Humni et.al. (2004). *Perlaksanaan Ibadah Solat Fardhu Di kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang*. Jurnal Penyelidikan MPBL, Jilid 5. Kucing Sarawak.
- Norylana Binti Sulong. (2006). *Tahap Pengamalan Pelajar Terhadap Tanggungjawab Solat: Satu Kajian Di Kolej 11*. Tesis Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rosnah (2007). *Meningkatkan Kesempurnaan Solat Di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Seri Perak dengan Memperkasakan Rukunnya*. Kajian Ilmiah.